

17/03/2001

Pas wajar tahu bezakan kuasa kerajaan

Datuk Ibrahim Ali

PAS harus faham mengenai agenda perpaduan bangsa Melayu tanpa berselindung di sebalik syarat bermotifkan politik.

Apa yang berlaku, Pas tidak dapat membezakan hak atau kuasa Umno dan kuasa kerajaan (Barisan Nasional). Tujuan Pas jelas menunjukkan mereka dalam keadaan nazak, terutama hal "Wang Ihsan daripada Petronas". Kini isu ini sudah pun dibawa ke mahkamah, oleh itu adalah bidang kuasa mahkamah saja yang boleh memutuskan hal ini.

Jika Pas benar-benar tulus dan telus, mereka perlu rasional mengenai tuntutan ini. Tegasnya, kini mereka begitu terdesak dengan janji pilihan raya dulu sedangkan tabung/hasil kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu sudah kering-kontang.

Pas juga perlu sedar bahawa jika ada parti lain pada masa akan datang yang mahu menjadikan agama sebagai parti, apa akan berlaku? Contohnya, Parti Kristian SeMalaysia atau Parti Buddha SeMalaysia. Adalah baik sekiranya kerajaan bertindak awal dengan menyekat penggunaan nama agama bagi sesebuah parti. Ini tugas kerajaan dan bukan hak atau bidang kuasa Umno saja.

Pas perlu relevan dengan empat topik utama yang dianjurkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Empat topik utama ini adalah selari dengan perjuangan Badan Bertindak Melayu (BBM), tidak seperti Pas dan Keadilan yang cuba mengaburi mata orang bukan Melayu, terutama rakan kongsi mereka, DAP.

BBM ingin mendesak kerajaan, terutama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri supaya bertindak tegas terhadap pelampau Cina yang mendalangi isu sekolah Cina Damansara agar ia tidak merebak menjadi isu perkauman yang lebih serius.

DAP dan Keadilan menggunakan isu ini untuk mendapat simpati rakyat. Premis kuil dijadikan tempat belajar. Pihak berkenaan jangan sekali-kali cuba bermain api dengan mengaitkan isu Sekolah Agama Rakyat di dalam kawasan masjid. Ini adalah bidang kuasa Majlis Raja-Raja yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri-negeri.

BBM kesal dengan sikap Pas dan Presidennya, Datuk Fadzil Noor, yang cuba bermain api dengan orang Cina dengan menyokong isu sekolah Cina Damansara. Sandiwara ini hanya untuk memancing undi orang Cina saja, sebaliknya melalui ceramah Pas di kawasan orang Melayu, surau dan kampung mereka berkata sebaliknya.

BBM berharap Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) pantas dan tegas dalam menguat kuasakan premis belajar haram oleh pelampau Cina. MPPJ jangan menunggu arahan atau isyarat dari Kerajaan Pusat baru hendak ambil tindakan.